

MPPJ UM 10/4

banteras buang sampah dalam sungai

PETALING JAYA 9 April - Empat kawasan sungai utama di kawasan Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MPPJ) telah dikenal pasti sebagai pilihan utama tempat pembuangan sampah haram oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Ahli Majlis MPPJ, merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Damansara Utama, Datuk Lim Choon Kin berkata, sungai-sungai tersebut ialah Sungai Penchala, Sungai Ara, Sungai Klang dan Sungai Damansara.

Tambahnya, termasuk kawasan tersebut terdapat 26 lokasi tempat pembuangan sampah haram yang dikesan di kawasan pentadbiran MPPJ.

Bagaimanapun katanya, separuh daripada lokasi tersebut telah pun dibersihkan dan akan sentiasa dipantau bagi memastikan tiada lagi perbuatan itu.

“Penguat kuasa MPPJ akan bertugas selama 24 jam bagi memantau aktiviti pembuangan sampah haram ini.

“Jika dapat ditangkap, pihak kami tidak akan teragak-agak mengenakan denda kepada mereka yang terbabit,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada program gotong-royong merobohkan struktur binaan lorong-lorong belakang dan pembersihan di sekitar Up Town, dekat sini semalam.

Turut serta pada program tersebut ialah Ahli Majlis MPPJ, Datuk Raja Ropiah Raja Abdullah, pihak pemaaju di kawasan Up Town dan Alam Flora.

Tambah beliau, terdapat lebih kurang 600 tan sampah yang dibuang di kawasan pembuangan sampah haram tersebut pada setiap bulan.

Katanya, program pembersihan berterusan akan diadakan pada setiap minggu bagi memastikan kebersihan dan keselesaan warga MPPJ terutama di ambang untuk dinaik taraf sebagai Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) pada Jun ini.